

Headline	Tidak terbang semua, hanya pokok berisiko tinggi - Dr. Zaliha		
MediaTitle	Kosmo		
Date	07 Jun 2024	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	13	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	227 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,914
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,741



## Tidak terbang semua, hanya pokok berisiko tinggi – Dr. Zaliha

**PUTRAJAYA** – Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa menjelaskan hanya pokok yang berisiko tinggi akan ditebang dan bukannya kesemua.

Beliau memberikan reaksi tersebut susulan beberapa insiden pokok tumbang terutama di Lembah Kelang akhir-akhir ini.

Jelasnya, dalam usaha mencantikkan bandar raya terutama di Kuala Lumpur, ada juga faktor keselamatan khusus yang perlu diambil kira.

"Tidak semestinya nak tebang semua, yang kita bagi keutamaan

untuk ditebang ialah yang berisiko tinggi.

"Di Kuala Lumpur, saya sendiri telah minta supaya sebuah jawatankuasa diwujudkan dan mereka akan bermesyuarat dalam masa terdekat," katanya ketika ditemui pada majlis penyerahan dokumen projek laluan susur di Presint 15, di sini semalam.

Katanya, mesyuarat itu akan melibatkan semua pemegang taruh termasuk arboris (pakar tumbuhan berkayu), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

Dr. Zaliha berkata, mesyuarat itu dijangka membincangkan secara tuntas apakah insiden itu dikaitkan dengan cuaca tidak menentu ketika ini.

Menurutnya, insiden pokok tumbang ini bukan hanya di Lembah Klang tetapi ia juga dilaporkan berlaku di beberapa negeri termasuk Pulau Pinang, Melaka dan Selangor.

"Kita juga akan melihat spesies pokok apa dan kawasan tanah sesuai bagi penanaman akan datang. Kita juga boleh mengambil contoh negara maju seperti Singapura dalam soal penjagaan pokok," katanya.



**MENTERI Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (tiga dari kanan) bersama Dr. Zaliha (dua dari kanan) sempena perasmian pembukaan jambat bagi penyaliran trafik di Putrajaya semalam.**